

# UniMAP Teroka Peluang di Korea

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berhasrat untuk meneroka peluang bagi menjalankan kerjasama akademik dan penyelidikan khususnya dengan beberapa universiti dan syarikat ternama peneraju teknologi di Korea.

Turut serta dalam siri lawatan tersebut adalah Pengerusi Majlis Profesor UniMAP, Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Pengurus Operasi UniMAP Holdings, Dr. Mohd Najmudin Mohd Hassan, Pengarah Pusat Kerjasama Industri, Prof. Madya Dr. Rozailan Mamat dan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali.

Delegasi UniMAP yang diketuai sendiri oleh Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamaruddin Hussin memulakan lawatan kerja ke Electronic and Telecommunication Research Institute (ETRI) dan Syarikat Hanback di Daejeon semasa siri lawatan ke Korea akhir Februari 2014.

ETRI merupakan pusat yang menumpukan kajian terkini barangan dan aplikasi eletronik dan telekomunikasi, yang juga merupakan institut penyelidikan terkenal di seluruh dunia. Delegasi UniMAP berpeluang melihat sendiri kecanggihan peralatan dan teknologi yang dibangunkan di situ. Sementara itu, syarikat Hanback pula merupakan sebuah syarikat yang terkenal dalam membangunkan peralatan-peralatan bantu pengajaran dan pembelajaran dalam bidang elektrik, elektronik dan telekomunikasi. Terdapat pelbagai alatan bantu mengajar yang mengguna dan mengaplikasikan teknologi terkini seperti robotik, sensor, android, IP network dan lain-lain dibangunkan di sini.

Dalam lawatan ke Andong National University, UniMAP telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bersama universiti berkenaan bagi merintis kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan. Andong National University merupakan institusi pengajian tinggi nasional pertama di Korea Selatan yang menjalin kerjasama dengan UniMAP. UniMAP diwakili Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala Andong pula diwakili Presidennya, Prof. Dr. Hyung-Jin Jeong.

